



SIARAN AKHBAR

MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU `ALAIHI WASSALAM TAHUN 1444 HIJRAH / 2022 MASEHI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

*Hari Sabtu, 19 Rabiulawal 1444H bersamaan 15 Oktober 2022M
Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam*

Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W tahun 2022 bagi memperingati Hari Keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Majlis diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah seterusnya diikuti dengan ceramah khas Maulidur Rasul bertajuk 'Rasulullah Pemilik Akhlak Yang Teragung' yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr Hj Hambali bin Hj Jaili, Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Sultan Sharif Ali.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada warga Kementerian serta Jabatan-Jabatan di bawahnya dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 15 Oktober 2022